

20 NOV 2000

LID-Kanak-kanak

GOLDEN KIDS CLUBS M'SIA DAPAT PERHATIAN ANTARABANGSA

Oleh: Arul Rajoo

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Golden Kids Club, projek perintis untuk melatih golongan remaja menjadi pemimpin di masa hadapan telah menarik perhatian ketua-ketua asing dan kemungkinan besar akan dijadikan satu daripada perkara dalam konsep "Perkongasian Bestari".

Kelab yang berusia lima tahun itu diilhamkan oleh Television Airtime Services Sdn Bhd untuk melatih golongan remaja dalam dunia penyiaran dan media bagi tempoh 15 tahun.

Presiden syarikat itu, Sabri Rahman berkata idea yang diilhamkan itu adalah untuk melatih anggota kelab berurusan dengan isu-isu semasa daripada perspektif kanak-kanak.

Anggota kelab itu yang membuat persembahan di hadapan para delegasi yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID) di upacara pembukaan semalam telah berjaya menarik perhatian Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM), penganjur bersama LID.

"Kami dihubungi oleh anggota CPTM malam tadi yang kagum dengan persembahan kami...beliau berkata ia adalah satu idea yang baik dan mahu mengusulkan perkara itu di mesyuarat CPTM akan datang," kata Sabri selepas anggota-anggota kelab menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di acara sampingan sesi LID.

Sabri berkata mereka bersedia membantu CPTM menjual idea kepada anggota LID yang kebanyakannya negara-negara Afrika.

Malahan, Sabri berkata CPTM telah mempelawa secara lisan bagi anggota Golden Club menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Uganda tahun depan, dialog sekutu LID.

Kelab itu yang diilhamkan daripada program "Golden Kids News" yang disiarkan di RTM2, mempunyai antara 700 hingga 1,000 anggota berusia antara lapan dan 15 tahun yang berinteraksi menerusi Internet manakala 30 daripada sering bertemu di hujung minggu.

"Anggota-anggota kelab itu adalah pelajar terbaik di sekolah. Kami melatih mereka menulis skrip, laporan berita dan cerita kanak-kanak. Apabila usia mereka meningkat, mereka akan didedahkan kepada perkara lain," tambahnya.

Sabri juga berkata mereka mahu anggota-anggota, yang melawat ke China, Australia dan Brunei, dilengkapi dengan pengetahuan dan latihan untuk menjadi ketua yang baik.

-- BERNAMA

AR YBY ZK